



---

**SURAT EDARAN PENTADBIRAN  
BILANGAN 11 TAHUN 2019**

---

**GARIS PANDUAN PEMBACAAN DOA  
DALAM MAJLIS-MAJLIS RASMI,  
SEPARUH RASMI DAN TIDAK RASMI  
DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar  
8 Julai 2019 / 5 Zulkaedah 1440H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)  
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)  
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)  
Pegawai-Pegawai Kanan  
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

# **UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

UTeM.02.14.03/100-3/2/3 ( 20 )

8 JULAI 2019  
5 Zulkaedah 1440H

## **SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 11/2019**

### **GARIS PANDUAN PEMBACAAN DOA DALAM MAJLIS-MAJLIS RASMI, SEPARUH RASMI DAN TIDAK RASMI DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

#### **1.0 TUJUAN**

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf dan pelajar Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) berkenaan garis panduan pembacaan doa dalam majlis-majlis rasmi, separuh rasmi dan tidak rasmi di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

#### **2.0 PENDAHULUAN**

- 2.1 Doa adalah satu ibadat. Ia merupakan satu tanda kerendahan hamba terhadap Allah S.W.T. Ia boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Sesuatu doa itu hendaklah dilakukan dengan ikhlas, khusyuk, tertib penuh tawadu' dan mesti dilakukan dengan cara yang sesuai dengan kehendak syarak. Ini bermakna doa tidak boleh dilakukan sebagai satu budaya atau adat. Doa merupakan satu cara hidup yang diajar oleh Rasulullah S.A.W.
- 2.2 Sebagai satu ibadah, doa hendaklah dilakukan di tempat yang betul, masa yang sesuai dan suasana yang baik. Garis panduan ini adalah bagi bacaan doa dalam mana-mana majlis rasmi, separuh rasmi dan tidak rasmi di Universiti. Justeru, tujuan sesuatu majlis yang dianjurkan itu menentukan sama ada doa itu harus dilakukan atau sebaliknya.

#### **3.0 TAFSIRAN**

- 3.1 Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki makna yang lain—

**“Garis Panduan”** bermaksud Garis Panduan Pembacaan Doa Dalam Majlis-Majlis Rasmi, Separuh Rasmi Dan Tidak Rasmi Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

**“Kelab/Persatuan”** bermaksud kelab/persatuan staf yang ditubuhkan di Universiti;

**“majlis rasmi”** bermaksud sesuatu majlis yang:-

- a. melibatkan tetamu-tetamu kehormat kerajaan persekutuan, kerajaan negeri dan luar negara.
- b. dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Universiti iaitu Naib Canselor, mana-mana Timbalan Naib Canselor atau Penolong Naib Canselor.

**“majlis separuh rasmi”** bermaksud sesuatu majlis anjuran Universiti yang dihadiri oleh mana-mana Pegawai Kanan Universiti. Dalam konteks garis panduan ini, Pegawai Kanan Universiti adalah merujuk kepada Ketua-Ketua PTj;

**“majlis tidak rasmi”** bermaksud sesuatu majlis anjuran PTj atau Kelab. Sekiranya majlis tidak rasmi dihadiri oleh Naib Canselor, mana-mana Timbalan Naib Canselor atau Penolong Naib Canselor, maka majlis tersebut adalah dianggap sebagai majlis rasmi;

**“PTj”** bermaksud Pusat Tanggungjawab yang terdiri daripada Fakulti/Institut/Pejabat/Pusat atau apa-apa juia nama ia disebut;

**“Pusat Islam”** bermaksud Pusat Islam Universiti;

**“waktu bekerja”** bermaksud hari Isnin hingga Jumaat dari 8.00 pagi hingga 5.30 petang; dan

**“Universiti”** bermaksud Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

### 3.2 Interpretasi

- (a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- (b) Pada bila-bila masa Garis Panduan ini merujuk setiap hari dalam kalender, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalender Gregorian.
- (c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Garis Panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sah Garis Panduan Peraturan ini.
- (d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Garis Panduan ini (jika ada) hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Garis Panduan ini.

## 4.0 RASIONAL

- 4.1 Perkara 3, Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa agama Islam adalah agama bagi persekutuan. Oleh itu, amalan membaca doa dalam majlis-majlis rasmi dan separuh rasmi adalah suatu amalan yang suci dan murni sesuai dengan kedudukan agama Islam di negara ini.

## 5.0 PEMERINGKATAN PEMBACAAN DOA

- 5.1 Majlis rasmi yang dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka yang **dianjurkan oleh kerajaan negeri atau persekutuan** yang diadakan di dalam Universiti hendaklah dibaca oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Melaka atau Timbalan Mufti dengan nasihat Bahagian Protokol, Jabatan Ketua Menteri Melaka (JKMM).
- 5.2 Majlis rasmi yang dihadiri oleh TYT Yang Dipertua Negeri Melaka merangkap Canselor Universiti bagi majlis yang dianjurkan oleh Universiti seperti:-

- 5.2.1 Majlis Konvokesyen;
- 5.2.2 Majlis Iftar;
- 5.2.3 Majlis sambutan Hari Raya;
- 5.2.4 Majlis yang dirasmikan oleh TYT Yang Dipertua Negeri Melaka;  
dan
- 5.2.5 Lain-lain majlis yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

Bacaan doa hendaklah dibaca oleh Sahibus Samahah Mufti/Timbalan sekiranya hadir atau Pengarah Pusat Islam atau pegawai yang dinamakan oleh Pusat Islam.

- 5.3 Majlis rasmi Universiti yang dianjurkan secara berkala dan melibatkan semua staf Universiti seperti:-
  - 5.3.1 Perhimpunan UTeM;
  - 5.3.2 Perutusan Naib Canselor;
  - 5.3.3 *Chancellor's Talk*;
  - 5.3.4 Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang; dan
  - 5.3.5 Lain-lain majlis yang ditetapkan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

Bacaan doa hendaklah dibaca oleh Pengarah Pusat Islam atau pegawai yang dinamakan oleh Pusat Islam.

- 5.4 Majlis rasmi Universiti yang dianjurkan oleh PTj/Universiti yang melibatkan tetamu kehormat iaitu YB Menteri, YAB Ketua Menteri Melaka seperti:-
  - 5.4.1 Majlis Perasmian Program
  - 5.4.2 Majlis Persidangan (*Conference*)
  - 5.4.3 Lain-lain majlis yang ditetapkan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

Bacaan doa hendaklah dibaca oleh Pengarah Pusat Islam atau pegawai yang dinamakan oleh Pusat Islam.

- 5.5 Bagi majlis-majlis lain, pembaca doa boleh dilantik dalam kalangan mereka yang difikirkan layak yang ditentukan oleh Pusat Islam.
- 5.6 Sekiranya pihak pengajur program merasakan terdapat mana-mana individu atau staf yang layak (seperti perenggan 6 di bawah) untuk membaca doa pada majlis berkenaan, satu (1) permohonan rasmi hendaklah dihantar kepada Pusat Islam dengan menyatakan nama pembaca doa berkenaan berserta salinan doa yang akan dibaca pada majlis berkenaan.

## 6.0 KRITERIA PEMBACA DOA

- 6.1 Pembaca doa hendaklah membaca teks doa yang dibekalkan atau diselia oleh Pusat Islam.
- 6.2 Pembaca doa **seelok-eloknya** seorang lelaki dan beragama Islam, boleh menyebut perkataan-perkataan dalam teks doa yang berbahasa Melayu, Inggeris dan Arab dengan tepat, fasih dan betul.
- 6.3 Teks doa **boleh** dibacakan oleh semua individu muslim yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik dan tidak dipertikai oleh pendengar dan masyarakat.
- 6.4 Pembaca doa **mestalah** mengetahui kesesuaian doa yang dibaca bagi satu-satu majlis yang diadakan berpandukan kepada garis panduan yang ditetapkan.
- 6.5 Bagi perhimpunan yang dihadiri oleh golongan wanita sahaja, pembaca doa boleh dilantik di kalangan wanita.
- 6.6 Pembaca doa **hendaklah** membaca dengan nada suara yang sesuai dengan maksud ayat di samping suara yang jelas, tidak terlalu laju dan hendaklah dibaca dengan khusyuk serta tawaduk.
- 6.7 Rujuk **LAMPIRAN 1** Panduan memulakan bacaan doa majlis.

## **7.0 PANDUAN PEMBACAAN DOA DALAM MAJLIS RASMI, SEPARUH RASMI DAN TIDAK RASMI**

- 7.1 Majlis yang dimulakan dengan membaca Ummul al-Kitab adalah digalakkan selain bacaan doa.
- 7.2 Majlis yang dianjurkan hendaklah tidak mempunyai unsur-unsur maksiat, mungkar dan melalaikan seperti mengadakan hidangan arak, perjudian atau seumpama dengannya.
- 7.3 Majlis yang dianjurkan hendaklah tidak bercampur aduk dengan upacara-upacara yang tidak sesuai dengan konsep ibadah dalam doa seperti menghiasi majlis dengan acara-acara kebudayaan, nyanyian (*melainkan lagu kebangsaan dan organisasi*), tarian yang bercanggah dengan syarak sama ada persembahannya atau senikatanya serta pergaulan yang tidak terkawal antara lelaki dan wanita.
- 7.4 Majlis yang dianjurkan hendaklah tidak dikaitkan dengan upacara-upacara keagamaan atau perayaan agama-agama lain seperti sempena menyambut hari Krismas, Deepavali atau yang seumpama dengannya.
- 7.5 Perjalanan majlis hendaklah bersesuaian dengan maksud doa yang dipohon.
- 7.6 Bacaan doa yang dilaksanakan mestilah melihat kepada keutamaan majlis yang dianjurkan seperti majlis-majlis ucapan rasmi. Manakala majlis yang bertujuan untuk makan malam tidak memerlukan bacaan doa yang khusus.
- 7.7 Doa tidak perlu dibaca dalam mana-mana aktiviti kesukuan yang melibatkan pendedahan aurat serta percampuran yang tidak terkawal antara lelaki dan perempuan.

## **8.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN PEMBACAAN DOA**

- 8.1 PTj hendaklah menghantar surat permohonan pembaca doa kepada Pusat Islam selewat-lewatnya **tiga (3) hari bekerja sebelum** majlis berlangsung berserta tentatif majlis yang telah diluluskan.
- 8.2 Majlis yang berlangsung hendaklah mematuhi garis panduan ini.
- 8.3 PTj yang menganjurkan program dan memerlukan pembaca doa perlu menyediakan elaun lebih masa kepada pembaca doa sekiranya majlis diadakan selain dari waktu bekerja.
- 8.4 Mana-mana Kelab/Persatuan yang menganjurkan majlis hendaklah menyediakan saguhati kepada pembaca doa sekiranya majlis diadakan selain dari waktu bekerja.

## **9.0 PROTOKOL – POSISI PEMBACA DOA PADA MAJLIS RASMI UNIVERSITI**

- 9.1 Pengajur hendaklah menyediakan tempat duduk yang sesuai untuk pembaca doa.
- 9.2 Tempat bacaan doa hendaklah di atas pentas.

## **10.0 LAIN-LAIN**

- 10.1 Majlis tidak rasmi yang tidak memerlukan pembaca doa dari Pusat Islam adalah tertakluk kepada Garis Panduan ini.
- 10.2 Pusat Islam boleh memberi surat teguran kepada mana-mana PTj atau Kelab yang gagal mematuhi Garis Panduan ini.
- 10.3 Garis panduan ini boleh dirujuk bersama “Garis Panduan Tatacara Pembacaan Doa Dalam Majlis-Majlis Rasmi Dan Separuh Rasmi Kerajaan, Jabatan Mufti Negeri Melaka dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)”.

- 10.4 Garis panduan ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, garis panduan, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa.
- 10.5 Garis panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak Universiti dari semasa ke semasa.

## **11.0 TARIKH KUAT KUASA**

Surat Edaran Pentadbiran ini berkuat kuasa mulai dari tarikh Surat Edaran Pentadbiran ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**MASDZARIF BIN MAHAT**  
Ketua Pegawai Operasi  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

sya/uddp/bgpo



## **PANDUAN MEMULAKAN BACAAN DOA MAJLIS**

Pembaca doa hendaklah memulakan bacaan doa dengan memberi salam dan membaca teks ini:

**“ Bagi memohon keberkatan majlis, marilah sama-sama kita memulakan dengan bacaan Ummu al-Kitab dan doa, manakala bagi mereka yang beragama lain diminta agar menghormati bacaan doa dan sama-sama berdoa mengikut cara dan amalan masing-masing....Al-Fatihah..**

### **1. PENDAHULUAN DOA**

الْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، حَمْدًا يُوَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَرْيِدَهُ ، يَا رَبَّنَا أَكَّ  
الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَعَظِيمِ سُلْطَانِكَ ، اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى  
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَّاةً تَنْحِيَنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْأَهْوَالِ وَالْأَفَاتِ ، وَتَقْضِي لَنَا  
بِهَا مِنْ جَمِيعِ الْحَاجَاتِ ، وَتُطْهِرْنَا بِهَا مِنْ جَمِيعِ السَّيِّئَاتِ ، وَتَرْفَعْنَا  
بِهَا عِنْدَكَ أَعْلَى الدَّرَجَاتِ ، وَتُبَلِّغُنَا بِهَا أَفْصَى الْغَایَاتِ مِنْ جَمِيعِ  
الْخَيْرَاتِ فِي الْحَيَاةِ وَبَعْدَ الْمَمَاتِ وَعَلَى أَلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

**Terjemahannya:**

*“Segala puji hanya tertentu bagi Allah pemilik sekalian alam, puji yang menyempurna segala nikmat serta menjamin penambahannya. Wahai Tuhan kami, bagi Engkau segala puji yang sewajarnya bagi kebesaran zat-Mu dan kebesaran kekuasaan-Mu. Ya Allah berilah kerahmatan pada penghulu kami Nabi Muhammad sebagai rahmat yang menyelamatkan kami daripada segala kesengsaraan dan kemusnahan hidup dan dapat menunaikan segala hajat kami dan dapat membersihkan kami daripada segala keburukan dan mengangkat setinggi-tinggi darjat kami di sisi Mu dan menyampaikan segala tujuan kebaikan kami semasa hidup dan selepas mati dan kerahmatan ke atas seluruh keluarga dan sahabatnya”.*

## 2. DOA PERMOHONAN UMUM

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ كُلَّهِ عَاجِلَهُ وَآجِلَهُ مَا عَلِمْنَا مِنْهُ وَمَا لَمْ نَعْلَمْ ،  
وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ الشَّرِّ كُلَّهِ عَاجِلَهُ وَآجِلَهُ مَا عَلِمْنَا مِنْهُ وَمَا لَمْ نَعْلَمْ ، اللَّهُمَّ  
إِنَّا نَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَمَا قَرَبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ  
وَمَا قَرَبَ إِلَيْهَا مِنْ قَوْلٍ وَعَمَلٍ ، اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ مِنَ الْخَيْرِ مَا سَأَلْتَ  
عَبْدَكَ وَرَسُولَكَ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا  
اسْتَعَاذَ مِنْهُ عَبْدُكَ وَرَسُولُكَ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَمَا قَضَيْتَ لَنَا  
مِنْ أَمْرٍ فَاجْعَلْ عَاقِبَتَهُ لَنَا رَاشِدًا .

[Diambil dari hadith Sahih Muslim]

### Terjemahannya:

"Ya Allah sesungguhnya, kami memohon kepada-Mu segala kebaikan masa sekarang dan akan datang samada kami ketahui ataupun kami tidak ketahui dan kami memohon perlindungan-Mu dari segala keburukan sekarang dan akan datang sama ada perkara yang kami ketahui atau kami tidak ketahui. Kami memohon kepada-Mu syurga dan segala perkara yang boleh mendekatkan (kami) kepadanya sama ada melalui perkataan dan amalan, dan kami memohon perlindungan-Mu dari neraka dan segala perkara yang boleh mendekatkan (kami) kepadanya sama ada melalui perkataan dan amalan, dan kami memohon perlindungan-Mu dari segala keburukan (sama) seperti hamba dan rasul-Mu Muhammad s.a.w memohon perlindungan kepada-Mu. Dan Engkau jadikanlah kesudahan segala apa yang telah Engkau tetapkan daripada Qada' dan Qadar-Mu sebagai petunjuk (bagi kami).

### 3. DOA PERMOHONAN KHUSUS

اللَّهُمَّ إِنَّكَ تَعْلَمُ أَنَّ هَذِهِ الْقُلُوبُ قَدْ اجْتَمَعَتْ عَلَى مَحَبَّتِكَ ، وَالْتَّقَتْ عَلَى طَاعَاتِكَ ، وَتَوَحَّدَتْ عَلَى دَعْوَاتِكَ ، وَتَعَااهَدَتْ عَلَى نُصْرَةِ شَرِيعَتِكَ ، فَوَثِّقْ اللَّهُمَّ رَابِطَتَهَا ، وَأَدْمَرْ وُدُّهَا ، وَاهْدِهَا سُبُّلَهَا وَامْلَأْهَا بِنُورِكَ الَّذِي لَا يَخْبُوا ، اللَّهُمَّ اشْرَحْ صُدُورَهَا بِفَيْضِ الْإِيمَانِ بِكَ ، وَجَمِيلُ التَّوَكُّلِ عَلَيْكَ ، وَأَحْيِهَا بِمَعْرِيقِكَ ، وَأَمِثِّهَا عَلَى الشَّهَادَةِ فِي سَبِيلِكَ ، إِنَّكَ نِعْمَ الْمَوْلَى وَنِعْمَ النَّصِيرُ .

#### Terjemahannya:

"Ya Allah, sesungguhnya Engkau mengetahui bahawa hati-hati ini telah berhimpun kerana mengasihi-Mu, bertemu untuk mematuhi (perintah)-Mu, bersatu memikul beban dakwah-Mu, hati-hati ini telah mengikat janji setia untuk mendaulat dan menyokong syari'at-Mu. Maka eratkanlah Ya Allah akan ikatannya,kekalkan kemesraan antara hati-hati ini, tunjuklah kepada hati-hati ini akan jalannya (yang sebenar), penuhkanlah (piala) hati-hati ini dengan cahaya Rabbani-Mu yang tidak kunjung malap, lapangkanlah hati-hati ini dengan limpahan keimanan dan keindahan tawakkal kepada-Mu, hidup suburkanlah hati-hati ini dengan ma'rifat (pengetahuan sebenar) tentang-Mu. (Jika Engkau takdirkan kami mati) maka matikanlah hati-hati ini sebagai para syuhada' dalam perjuangan agama-Mu. Sesungguhnya Engkau sebaik-baik sandaran dan sebaik-baik penolong.

اللَّهُمَّ اجْعِلْ جَمْعَنَا هَذَا جَمْعًا مَرْحُومًا ، وَتَفَرَّقَنَا مِنْ بَعْدِهِ تَفَرُّقًا مَغْصُومًا ،  
وَلَا تَجْعَلْ فِينَا وَلَا مَعَنَا شَقِيقًا وَلَا مَخْرُومًا وَلَا مَطْرُودًا .

**Terjemahannya:**

Ya Allah, jadikanlah perhimpunan kami ini sebagai perhimpunan yang diberkati dan dirahmati . Jadikanlah perpisahan kami selepas ini sebagai perpisahan yang Engkau pelihara daripada mara bahaya dan keburukan.

#### 4. DOA PENUTUP

رَبَّنَا ءاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً ، وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً ، وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ  
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلَّمَ ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ .

**Terjemahannya:**

“Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka”.

“Sesungguhnya Allah S.W.T berselawat ke atas Muhammad dan ke atas ahli keluarganya serta sahabatnya dan kesejahteraan ke atas mereka. Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam.”